

Warga universiti perlu 'turun padang' perangi COVID-19

Oleh Prof Madya Dr Zainal Abidin Sanusi - Jun 28, 2021 @ 11:30am
bhrencana@bh.com.my



Inisiatif beberapa universiti membantu masyarakat berdepan kesan pandemik langkah terpuji. -
Foto hiasan/Pusat Perhubungan Alumni UKM

KEHIDUPAN semakin mencabar di bawah perintah sekatan pergerakan penuh, walaupun kita amat mensyukuri kejayaannya dalam mengelak malapetaka jika kes melonjak ke angka 13,000.

Namun, memetik kata-kata Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah bahawa kita masih dalam zon 'perang', maka adat berperang semua orang perlu memainkan peranan masing-masing dan semua sumber perlu dimanfaatkan sepenuhnya.

Ini termasuk 'angkatan' yang mempunyai pelbagai potensi seperti sebuah universiti.

Gabungan seluruh universiti di Malaysia mempunyai jumlah pelajar lebih sejuta dan puluhan ribu kakitangan dengan segala bidang ilmu serta penyelidikan.

Tidak keterlaluan mengatakan seruit mana pun masalah dihadapi, secara fungsi universiti sewajarnya mampu menyumbang kepada penyelesaian.

Ada ribuan ilmuwan di 20 institusi pengajian tinggi (IPT) awam dan swasta. Lebih khusus lagi, dalam kalangan ini ada kira-kira 3,000 ilmuwan berstatus profesor yang dianggap lebih mendalam ilmunya dalam penyelesaian masalah.

Namun, selepas lebih setahun berlalu, kita masih tertanya-tanya sejauh manakah peranan universiti dalam menangani pandemik?

Memang tidak dinafikan universiti sudah mula diberikan peranan sebagai pusat pemberian vaksin (PPV) yang seharusnya sudah lama dilakukan. Namun selain itu, sejak memasuki era COVID-19 isu yang dibicarakan mengenai universiti banyak bersifat reaktif dan sangat 'operational'. Masih dinantikan tindakan seluruh IPT untuk bergabung membentuk konsortium dan menyediakan pelan tindakan strategik berhadapan peperangan ini.

Yang sering dibicarakan dan mengambil banyak masa serta tenaga universiti adalah bagaimanakah prosedur menguruskan pelajar balik atau pulang dari kampus, selain isu proses pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR).

Masyarakat menanti dengan harapan untuk universiti sebagai menara ilmu dan pembentuk masyarakat ini turun membantu mereka dengan skala lebih besar dan berimpak tinggi. Jika universiti tidak mampu mencari jalan penyelesaian dan hanya berperanan seperti institusi lain, ertinya universiti gagal memainkan fungsi menyumbang kepada masyarakat.

Di mana komitmen seharusnya dibuktikan? Ada dua cabaran besar universiti sebagai institusi berkumpul pemikir besar dan dengan kekuatan yang ada, sewajarnya bersatu dan memainkan peranan kritikal dalam 'peperangan' ini.

Pertama, dalam konteks pergolakan semasa politik menangani pandemik. Jelas, ini suhu politik Malaysia semakin hangat atas sebab berbeza berbanding sebelum ini – perbalahan dan perbezaan parti politik.

Namun, kini tambahan kepada faktor sedia ada, kelihatan faktor utama ketidakpuasan hati rakyat terhadap cara pelaksanaan pelbagai peraturan dan dasar kerajaan menangani pandemik.

Isu asasnya mengapa dasar atau peraturan ini mendapat kritikan yang luar biasa di media sosial serta meluas liputannya dalam kalangan rakyat?

Pelbagai faktor boleh dikemukakan. Namun, satu perspektif ingin diketengahkan adalah proses pembuatan dasar dan peraturan itu yang pasti dibuat berdasarkan kajian terlebih dahulu.

Di mana peranan universiti dalam proses ini? Dua senario, pertama andai ada pakar daripada universiti dibabitkan dalam kajian ini, kenapa banyak isu berbangkit terlihat menerusi pelbagai kritikan diberikan?

Apakah selama ini tidak ada langsung strategi, atau paling tidak pengajaran daripada kajian yang sudah atau sedang dibuat di universiti? Misalnya, dalam hal perbezaan bagi kebenaran solat Jumaat atau isu masjid boleh dibuka atau tidak.

Isunya mungkin nampak kecil, tetapi amat besar apabila dilihat dari sudut perbezaan pendapat yang amat ketara antara negeri.

Apakah ilmuwan dalam bidang berkaitan tidak boleh mencari jalan sepakat atau terlalu banyakkah teori dikemukakan sehingga kurang pertimbangan terhadap implikasi kepada masyarakat dari segi praktikal dan dinamismenya?

Sudah sampai masa universiti bergabung suara menyatakan pandangan dan pendirian ke atas dasar dan cara pandemik ditangani.



Apakah selama ini tidak ada langsung strategi, atau paling tidak pengajaran daripada kajian yang sudah atau sedang dibuat di universiti? Misalnya, dalam hal perbezaan bagi kebenaran solat Jumaat atau isu masjid boleh dibuka atau tidak. - Foto hiasan

Senario kedua, andai ini adalah keputusan pihak berwajib tanpa pembabitan pakar daripada universiti, ia membayangkan keadaan lebih membimbangkan kerana universiti tidak lagi dilihat dan dirujuk sebagai punya wibawa menyelesaikan permasalahan masyarakat.

Maka apakah lagi rasional yang tinggal untuk menjustifikasi universiti sebagai entiti relevan kepada negara, terutama pada saat menghadapi kemelut atau 'peperangan' ini?

Atau apakah percaturan dan permainan politik dalam kalangan yang terbabit, terutama ketika proses membuat keputusan, sudah sampai ke tahap di luar kemampuan ahli akademik untuk memahaminya? Dalam kata lain, tiada teori lagi dapat merungkai kerenah politik ini.

Kedua, apa pun keadaan politik berlaku akibat persaingan antara parti dan individu politik yang semakin sengit, yang pasti keadaan kehidupan masyarakat semakin mencabar.

Sejak awal pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), sudah mula dibicarakan peratusan kumpulan T20 berkurangan memasuki kategori M40. Kelompok M40 pula semakin ramai, walaupun sebahagiannya jatuh ke dalam kumpulan B40 dan pasti jumlah B40 semakin bertambah.

Ini membayangkan secara mudah kedudukan ekonomi masyarakat sekarang. Di mana peranan universiti dalam menangani realiti baharu ini?

Universiti dengan pelbagai bidang ilmu yang selama ini mencanangkan aktiviti libat sama komuniti sebagai agenda penting, apakah sudah melakukan semampu mungkin untuk turun melihat dan membantu masyarakat?

Memang diakui pergerakan terhad, tetapi kalau realitinya di mana aktiviti ekonomi seperti perkilangan walaupun tidak 'penting' boleh terus berjalan dan untuk ke pasar raya juga dibenarkan – ironinya apakah untuk membantu mereka yang mungkin bersabung nyawa di kawasan pedalaman atau untuk membantu keluarga yang sudah berbulan tidak punya pendapatan tidak boleh diusahakan supaya dibenarkan?

Tambahan lagi dengan penerima vaksin semakin bertambah, tidak bolehkah turun ke padang untuk membantu? Sekalung ucapan tahniah dan terima kasih kepada kumpulan daripada universiti yang memberanikan diri turun dengan prosedur operasi standard (SOP) ketat bagi membantu masyarakat.

Namun, masih banyak bantuan diperlukan. Dalam keadaan sangat mencabar, universiti tidak wajar sekadar menjadi tempat menuntut ilmu tanpa mengamalkannya secara lebih serius.

Universiti perlu merenung sebentar dan muhasabah diri melihat sejauh mana sudah melaksana dan mengamalkan apa yang diajar dan diselidiki. Inilah masa terbaik mengubah pandangan masyarakat terhadap peranan sebenar universiti, bukan sekadar menyiapkan graduan untuk industri yang tidak sedikit sudah tutup akibat COVID-19.

Mungkin universiti sudah terlalu banyak berteori di alam maya. Keluarlah dari dalam talian, carilah jalan merasai denyut nadi keluarga yang mungkin sedang berjuang mencari sesuap nasi dan memerlukan talian hayat.

Penulis adalah Pengarah Pusat Sejahtera Untuk Kelestarian dan Kemanusiaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)